



01 FEB, 2025

## Kedudukan geopolitik Malaysia signifikan bantu bangun semula Gaza

Sinar Harian, Malaysia



### Kedudukan geopolitik Malaysia signifikan bantu bangun semula Gaza

**KUALA LUMPUR** - Pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa Malaysia akan membantu dalam usaha membangunkan semula Gaza amat signifikan, mengambil kira kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam progresif dan Pengerusi ASEAN.

Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Profesor Madya Datuk Dr Mohamed Azam Mohamed Adil berkata, dalam konteks geopolitik, Malaysia berada dalam kedudukan strategik untuk menjalin kerjasama erat dengan negara-negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), termasuk Qatar, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi dan negara-negara Asia Barat lain yang memiliki kapasiti ekonomi yang kukuh.

"Melalui jaringan ini usaha pembinaan semula Gaza dapat dilaksanakan secara sistematik dan lebih mampan.

"Pada peringkat ASEAN, Malaysia juga boleh menggerakkan inisiatif serantau yang lebih menyeluruh untuk memperkuuh peranan negara-negara jiran dalam menyokong kestabilan dan pembangunan semula Palestin," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Beliau berkata, pengumuman Perdana Menteri pada Rabu lepas bahawa Malaysia akan menggerakkan usaha pembinaan sekolah, hospital dan masjid di Gaza mencerminkan keprihatinan negara ini terhadap kesejahteraan rakyat Palestin.

Mohamed Azam berkata, pengumuman tersebut juga menegaskan peranan negara sebagai peneraju dalam memperkuuh solidariti kemanusiaan antarabangsa serta tanggungjawab moral untuk membantu masyarakat yang terkesan akibat konflik.

Beliau turut menyambut baik penubuhan Jawatankuasa Khas Penyelarasan Agensi-Agenzi yang diurussetiakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Yayasan Waqaf Malaysia bagi memastikan usaha pembangunan semula Gaza dilaksanakan secara berkesan, berstruktur dan berkesinambungan.

"Dalam hubungan ini, IKIM akan memberikan kerjasama pada tahap optimum bagi memastikan kejayaan matlamat yang disasarkan," katanya.

Pada peringkat domestik, Mohamed Azam berkata, sokongan dan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat merupakan elemen penting dalam menjayakan misi pembangunan semula Gaza.

Katanya, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Petronas, Permodalan Nasional Berhad (PNB), dan Tenaga Nasional Berhad (TNB), berpotensi memainkan peranan utama dalam menyediakan sumber kewangan, kepakaran teknikal dan membina jaringan strategik yang diperlukan untuk memastikan keberkesanannya ini. - Bernama